

LATIHAN FIKAH : IBADAT HAJI DAN UMRAH

NAMA : _____

KELAS : _____

A. LENGKAPKAN CARTA BERIKUT DENGAN JAWAPAN YANG BETUL



B. ISI TEMPAT KOSONG DENGAN PILIHAN JAWAPAN YANG BETUL.

1. Berada di Padang Arafah pada 9 Zulhijjah selepas gelincir matahari sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah adalah merujuk kepada ibadat _____. (wukuf / saie)
2. Ibadat yang dilakukan dengan mengelilingi kaabah sebanyak tujuh kali dengan syarat-syarat tertentu adalah ibadat _____. (solat / tawaf)
3. Ibadat _____ (saie / tawaf) mengingatkan kembali sejarah Siti Hajar mencari air untuk puteranya Ismail.
4. Hukum mencium Hajarul Aswad adalah _____ (wajib / sunat)
5. Ibadat bercukur atau bergunting dalam ibadat haji dan umrah boleh dilakukan dengan mencabut sekurang-kurangnya _____ (3 / 7) helai rambut.

C. TULIS SAMA ADA 'RUKUN HAJI' atau 'PERKARA WAJIB HAJI' bagi ibadat di bawah.

No.	Ibadat	Jawapan
1.	Wukuf	
2.	Berniat di miqat	
3.	Meninggalkan larangan dalam ihram	
4.	Tawaf	

D. NYATAKAN HUKUM SAMA ADA **SAH** ATAU **TIDAK SAH** BAGI IBADAT HAJI BERIKUT

1. Ali mengerjakan haji dan berniat berniat ihram haji di Madinah.

Jawapan : _____

2. Zainab melakukan ibadat wukuf di Arafah setelah masuk waktu subuh pada 10 Zulhijjah.

Jawapan : _____

3. Ramlan melaksanakan ibadat tawaf sebanyak 5 kali pusingan.

Jawapan : _____

4. Fatimah datang haid ketika melaksanakan ibadat saie.

Jawapan : _____

5. Ghafur memakai pakaian berjahit ketika dalam ihram haji.

Jawapan : _____

E. ISI TEMPAT KOSONG BAGI TEMPAT-TEMPAT PELAKSANAAN IBADAT HAJI DI BAWAH DENGAN PILIHAN JAWAPAN YANG BETUL.

MELONTAR

TAWAF

MABIT

SAIE

WUKUF

No.	Tempat Ibadat	Ibadat
1.	Padang Arafah	
2.	Kaabah	
3.	Bukit Safa dan Marwa	
4.	Muzdalifah	
5.	Jamratul Kubra	